



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 14 DISEMBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KPDN nafi dakwaan subsidi diesel dihapus

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) semalam, menafikan dakwaan di media sosial kononnya subsidi diesel dihapuskan bagi penggunaan kenderaan bermula 1 Januari depan.

KPDN pada kenyataan menegaskan, dakwaan itu tidak benar dan sebaliknya kementerian itu sedang melaksanakan projek rintis bagi melihat keberkesanan sistem *fleet card* dan Sistem MySubsidi Diesel, membabitkan enam syarikat menerima kuota *skid tank* yang tamat tempoh 14

Januari ini.

Menurut kenyataan, projek rintis berkenaan sama sekali tidak membabitkan pengguna kenderaan diesel individu.

“Proses pengujian ini perlu dilaksanakan bagi melihat kecekapan sistem dibangunkan, agar ia menepati spesifikasi dan matlamat penyasaran semula subsidi diesel, seperti mana yang dirancang.

“KPDN berharap tiada pihak menghebahkan sesuatu perkara yang tidak jelas dan boleh mengelirukan orang ramai,” menurut kenyataan itu.

Jualan Rahmah kurangkan beban kos sara hidup

KUALA LUMPUR – Seramai 1.5 juta kehadiran pelanggan dicatatkan dalam Program Jualan Rahmah Bergerak di 1,873 lokasi di seluruh negara setakat ini.

Menurut Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh, satu kajian impak turut dijalankan bagi menilai penerimaan masyarakat dan keberkesanan program itu.

Katanya, seramai 1,600 responden terlibat dalam kajian itu termasuk mengenal pasti kekurangan dan cadangan penambahbaikan yang bakal dibuat kementerian pada masa akan datang.

"Daripada 1,600 tersebut kita dapati 73 peratus responden bersetuju inisiatif Payung Rahmah dapat mengurangkan kos sara hidup mereka.

"Seramai 81 responden atau majoriti responden menyatakan mereka berpuas hati dengan pelaksanaan inisiatif Payung Rahmah dan 64 peratus responden menyatakan Jualan Rahmah Bergerak telah memberikan impak terus kepada

mereka," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan yang dibangkitkan Senator Dr. R. Lingeshwaran yang ingin tahu berkenaan status pelaksanaan dan pencapaian untuk Program Jualan Rahmah Bergerak termasuk untuk kawasan pedalaman dan Sabah serta Sarawak.

Tambah Fauziah, setelah lebih setahun Program Jualan Rahmah (PJR) dilaksanakan, hanya rakyat di kawasan yang memiliki pasar raya yang menjadi rakan strategik KPND paling beruntung kerana dapat menyertai dan memanfaatkan Jualan Rahmah pada harga murah sehingga 30 peratus dari harga pasaran setempat.

"Rakyat yang berada di pedalaman di mana kawasan mereka tidak mempunyai pasar raya tidak dapat menikmati manfaatnya secara langsung kecuali jika mereka sanggup menanggung kos perjalanan dari kampung mereka ke lokasi PJR," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 DISEMBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-Dec	KPDN nafi dakwaan subsidi diesel dihapuskan mulai 1 Januari	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-nafi-dakwaan-subsidi-diesel-dihapuskan-mulai-januari	BERITARTM
14-Dec	Pengapungan minyak diesel 1 Januari 2024 tidak benar – KPDN	https://malaysiaga-zette.com/2023/12/13/pengapungan-minyak-diesel-1-januari-2024-tidak-benar-kpdn/	MALAYSIAGAZETTE
14-Dec	Pengapungan minyak diesel 1 Januari 2024 tidak benar – KPDN	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-nafi-subsidi-diesel-dihapus-mulai-1-januari-2024/	BULETINTV3
14-Dec	Subsidised diesel wholesaler fined RM200,000 for selling diesel to unlicensed company	https://thesun.my/local-news/subsidised-diesel-wholesaler-fined-rm200000-for-selling-diesel-to-unlicensed-company-CO11864699	THESUN
14-Dec	10 Individu dikenal pasti sebar mesej palsu subsidi diesel dihapuskan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/12/1040425/10-individu-dikenal-pasti-sebar-mesej-palsu-subsidi-diesel-dihapuskan	HM
14-Dec	KPDN nafi dakwaan subsidi diesel dihapuskan mulai 1 Januari	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/12/1188462/kpdn-nafi-subsidi-diesel-dihapus-1-januari-2024	BH

14-Dec	Dakwaan subsidi diesel dihapuskan mulai Januari tidak benar: KPDN	https://www.google.com/amp/s/amp.utusanborneo.com.my/2023/12/13/dakwaan-subsidi-diesel-dihapuskan-mulai-januari-tidak-benar-kpdn	UMBORNEO
14-Dec	Sources of fake message on withdrawing diesel subsidies identified	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2253890	BERNAMA
14-Dec	Individu sebar mesej palsu kononya subsidi diesel dihapuskan, dikenal pasti	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2253871	BERNAMA